

14/04/2002

Pemuda Pasir Puteh sokong keputusan Mustapa

PASIR PUTEH: Pergerakan Pemuda Umno Kelantan menyokong penuh keputusan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mustapa Mohamed, meletak jawatan sebagai Ketua Penerangan Umno bagi memberi tumpuan kepada Kelantan.

Ketuanya, Rujhan Mohd Salleh, berkata peletakan jawatan itu wajar memandangkan senario rakyat Kelantan mulai berubah memihak kepada Umno berikutan kegagalan Pas membangunkan Kelantan.

Katanya, peluang keemasan itu perlu direbut dan Umno harus menggandakan usaha untuk menarik lebih ramai rakyat Kelantan menyokong Umno.

"Mustapa diyakini mampu melakukan sesuatu yang mengejutkan Pas memandangkan beliau seorang yang jujur, kuat bekerja dan bersih imejnya," katanya di sini, semalam.

Kelmarin, Mustapa mengumumkan peletakan jawatan sebagai Ketua Penerangan Umno, berkuat kuasa serta-merta kerana ingin memberi tumpuan terhadap tugas sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Keputusan itu sudah dimaklumkan dan diterima oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rujhan berkata, tindakan itu akan membolehkan Mustapa menjalin hubungan lebih rapat dengan pelbagai pihak, terutama pegawai Kerajaan Persekutuan dan anggota Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Kelantan dalam usaha memantapkan perjuangan Umno.

"Pendekatan itu penting bagi merapatkan hubungan dan kerjasama semua pihak dalam usaha membantu Umno mencapai kejayaan pada pilihanraya umum akan datang.

"Pemuda Umno negeri sedia bekerjasama bagi menjayakan misi yang dirancang Mustapa dalam mengukuhkan kedudukan Umno, sekali gus merampas tampuk pemerintahan Kelantan daripada Pas," katanya.

(END)